

# SEJARAH RINGKAS PERJUANGAN SIASAH TANAH MELAYU SEHINGGA MERDEKA

Kalau kita hendak mengkaji sejarah kebangkitan siasah di Tanah Melayu maka tidaklah sayugianya melupakan jasa orang-orang kita yang berpelajaran dari Mesir yang telah balik ke tanah airnya dengan membawa pengertian-pengertian baharu yang dikenal pada masa itu dengan pengertian Kaum Muda seperti Allahyarham Syeikh Tahir Jalaluddin dengan beberapa orang rakan-rakannya kerana daripada ketegasan membawa pengertian itulah didapati pertentangan di antara Puak Tua dan Puak Muda; daripada munculnya pengertian itu dapat pula hidup semangat-semangat baharu yang telah hampir-hampir mati di dalam jiwa orang-orang Melayu kerana dijajah oleh penjajahan yang berkuku semenjak dari tahun 1874 dahulu.

(Oleh: Edrus)

Tetapi sejarah yang bertulis dalam meniupkan roh sedar kepada kedudukan diri sendiri patut kita mengingati di antara yang berjasa itu ialah almarhum Syed Syeikh al-Hadi yang telah menulis di dalam rencana pengarang bulanan “al-Ikhwan” yang menyeru umat supaya bangkit dari tidurnya setelah lelap ditidurkan oleh penjajah. (Rencana al-Ikhwan yang pertama ini kita siarkan di lain muka keluaran ini – P.)

Setelah majalah keluarannya yang pertama itu diterbitkan pada tahun 1926 maka beliau dipanggil oleh pegawai C. I. D. Pada masa itu kekuasaan polis sangat besar. Almarhum itu ditanya apakah tujuan makalah ini dan beliau dikatakan hanya menyatakan bahawa ia hanya membawa seruan agama yang diasaskannya kepada *al-Qur’ān* dan sekiranya ditegah membawa ayat-ayat *al-Qur’ān* maka yang demikian

terpulang kepada kerajaan sahaja.

Pendeta Za’ba yang pada masa itu menjadi penulis yang terkenal telah menegur juga langkah almarhum Syed Syeikh al-Hadi yang dikatakannya telah menyentuh kerajaan Inggeris yang menjadi penaung Tanah Melayu.

Perkembangan yang dibawa oleh pengertian muda ini sebenarnya menimbulkan tokoh-tokoh siasah yang berani dan demikian juga menerbitkan penulis-penulis yang mulai berani berterang-terang menulis membidas pemerintah. Madrasah al-Hadi yang dipimpin oleh Faḍīlat al-Shaykh ‘Abd Allāh Maghribī dan juga Madrasah al-Mashoor di utara adalah menerbitkan pemuda-pemuda agama. Almarhum Osman Kalam (keluaran al-Mashoor) dan almarhum Tuan Haji Ibrahim Kajai adalah orang-orang yang terletak di bawah pimpinan almarhum Syed Syeikh al-Hadi.

Revolusi agama yang dibawa oleh almarhum Syeikh Tahir Jalaluddin bersama-sama almarhum Syed Syeikh al-Hadi yang membawa pengertian agama bernegara dengan mengikuti pelajaran-pelajaran yang dibawa oleh al-Sayyid Jamāl al-Dīn al-Afghānī dan al-Shaykh Muḥammad ‘Abduh, dengan sendirinya telah menghidupkan jiwa politik di seluruh Tanah Melayu (terutamanya di sebelah utara). Agama hanya untuk mati sahaja dibanteras mereka dengan kencang sambil dengan beraninya membawa fahaman-fahaman baharu bahawa agama Islam menghendaki umatnya hidup bernegara dan bertanggungjawab menegakkan negara bahagia, aman makmur yang diredhai Tuhan: *Baldatan tayyibatan wa rabbun ghafūr*.

Setelah “al-Ikhwān” mati maka al-Marhum Syed Syeikh al-Hadi meneruskan perjuangannya di dalam akhbar “Saudara” dengan dibantu oleh almarhum Tuan Haji Abdul Rahim Kajai. Revolusi yang berfahaman bernegara itu diteruskannya dan mulailah perasaan meluap-luap timbul di sana sini kerana di dalamnya itu pemuda-pemuda dan murid-murid dari sekolah-sekolah agama yang mengerti berbahasa Arab telah pula mengorak langkah menyokong langkah-langkah yang dianjurkan oleh pembawa-pembawa perubahan beragama di negeri kita ini.

Dalam pada itu, perubahan-perubahan di dalam Federal Council yang dahulunya hanya Raja-raja sahaja mendudukinya itu telah membawa perubahan baharu. Ini berlaku dimulai dari 1927 di dalam mana almarhum Raja Sir Chulan, Raja di Hilir Perak beserta dengan almarhum Dato’ Abdullah bin Haji Dahan, Undang Rembau telah bekerjasama dalam majlis itu dengan mendatangkan tuntutan-tuntutan menegakkan hak-hak Melayu. Kalau pada masa-masa yang lalu hanya orang-orang putih sahaja yang diutamakan dan mendapat keistimewaan maka kedua-dua pemimpin Melayu yang taat kepada agamanya itu menuntut keistimewaan dan keutamaan itu diberi pula kepada bangsa Melayu.

Banyak jasa beliau kedua itu patut dikenang – umpamanya ahli-ahli mesyuarat mendapat percuma perjalanan keretapi dan lain-lain lagi. Kedua-duanya keras menentang orang asing dan menentang juga penjajahan.

Pernah diriwayatkan, pada suatu masa, dengan tidak memberitahu lebih dahulu British Residen Negeri Sembilan datang hendak berjumpa dengan Undang Rembau, Dato’ Abdullah bin Haji Dahan. Kerana tidak memberi tahu lebih dahulu maka Undang Rembau tidak mahu menjumpainya dan membiarkan British Residen itu berjemur di panas hampir-hampir setengah jam. Perbuatan Dato’ Abdullah itu tidak menyenangkan pegawai-pegawai British dan kerana itu Dato’ Abdullah mendapat teguran yang hebat dari Pesuruhjaya Tinggi Sir Hugh Clifford.

Dengan sebab keberanian dan ketegasan Dato’ Abdullah bin Haji Dahan kepada orang-orang Inggeris itu dengan sendirinya orang-orang Inggeris tidak senang dan kerana perselisihan itulah hingga hari ini orang-orang Melayu di Rembau mencakapkan bahawa kematian Undang Rembau itu adalah “kematian yang tidak menyenangkan” mereka. Sesungguhnya sayang sejarah hidup kedua-dua pendekar siasah Melayu di Federal Council, almarhum Raja Sir Chulan dan almarhum Dato’ Abdullah bin Haji Dahan, tidak ada yang menerbitkannya – harus jasa-jasa mereka jika tidak dibukukan akan dilupakan oleh umat Melayu – kerana mereka hanya mengingati sejarah-sejarah lama seperti Hang Tuah, Tun Seri Lanang, Abdullah Munshi sahaja padahal kepada umat Melayu sejarah kedua mereka itu saya percaya penuh dengan keberanian dan kejujuran yang gilang gemilang.

Pada masa itu perjuangan umat Melayu boleh dikata tidak banyak dijalankan menerusi badan-badan politik

kerana politik masa itu masih dimomok-momokkan dan kerana itulah banyak gembur gembur politik hanya menerusi surat-surat khabar dan akhbar-akhbar sesudah majalah al-Ikhwan tidak berani menghidupkan masalah-masalah yang mengenai perjuangan tanah air – yang banyak diperjuangkan oleh mereka ialah masalah-masalah yang mengenai agama. Sungguh pun begitu langkah-langkah itu dengan sendirinya membuka mata orang-orang Melayu.

Tetapi apabila masuk kepada tahun 1930 maka perjalanan akhbar-akhbar itu membawa kepada perubahan baharu iaitu dengan terbitnya Warta Malaya di bawah pimpinan Dato' Onn bin Jaafar. Bersambil dengan mengeluarkan cerita-cerita seribu satu malam dan bersambil dengan mengupas masalah-masalah agama yang dipimpin oleh almarhum A. Muhammad Hashim Yunus dan dengan menyebarkan berita-berita dunia maka A. Onn (Sekarang Dato' Seri Onn) telah banyak pula mengadakan bidasan-bidasan yang mengenai perjalanan pemerintahan di Johor.

Setelah Dato' Onn meletakkan jawatannya di dalam akhbar "Warta Malaya" lalu membuka pula "Lembaga Malaya" langkah mengkritik pemerintahan di Johor diteruskan dan pertentangan-pertentangan pengertian di antara Lembaga dengan Warta timbul sedang dengan sendirinya membawa hidupnya semangat orang-orang Melayu.

Sesudah Tuan Syed Alwi al-Hadi memimpin Warta maka tidak lama antaranya Allahyarham Tuan Haji Abdul Rahim Kajai menjadi wakil Warta Malaya di Kuala Lumpur dan mulai daripada hari itulah perkara-perkara mesyuarat Federal mulai tersiar dengan luasnya di dalam akhbar dan Warta Malaya yang dahulunya hanya banyak membawa perkara-perkara yang mengenai Johor, dengan sendirinya sekarang mengubah tapak, banyak menyiarkan perkara-perkara yang mengenai Persekutuan Tanah Melayu.

Dalam masa inilah timbulnya pertentangan Warta Malaya dengan Allahyarham Kapten Nur Muhammad Hashim – pertentangan mana dengan sendirinya menghidupkan semangat menuntut hak-hak Melayu pula makalah-makalah: Anak Melayu, Penyambil dan Penatap banyak mengkritik dalam hal ini.

Perkembangan menuntut hak-hak Melayu daripada penjajahan dan tentang menuntut kuasa-kuasa Melayu makin bertambah marak iaitu apabila terbit langkah menjadikan Tengku Hisamuddin Alam Shah menjadi Raja Muda Selangor dengan melangkah putera yang pertama dan putera yang kedua Sultan Selangor. Hal ini bukannya sahaja membawa kepada masalah-masalah itu sahaja tetapi telah merebak kepada perkara-perkara nasihat British yang mesti diterima dan kedudukan hak orang-orang Melayu.

Pertubuhan-pertubuhan Melayu masa itu sungguhpun ada tetapi boleh dikatakan jarang yang berani berterang-terang berdiri menghadapi kerajaan British.

Rakyat pada masa itu telah mulai berani membidas Raja-rajanya dan juga telah berani membidas perdirian kerajaan British. Semangat pertikaian siasah di Indonesia juga telah mulai dimasukkan ke dalam akhbar di dalam mana tadinya perjuangan di Indonesia itu dipandang hanya perjuangan-perjuangan Komunis belaka – dimomokkan dengan perjuangan Komunis.

Dalam masa inilah pula seorang penulis muda mulai muncul iaitu A. Ishak bin Haji Muhammad yang telah menceburkan dirinya ke Warta Malaya dan dengan adanya di tempat itu banyak ia menulis perkara-perkara siasah yang menaikkan semangat orang-orang Melayu untuk memikirkan hal-hal yang mengenai tanah airnya.

Apabila akibat-akibat yang terbit daripada pertentangan dengan Kapten Hashim semakin merebak maka beberapa orang yang bekerja di dalam Warta Malaya, Tuan Haji Abdul Rahim

Kajai dan A. Ishak bin Haji Muhammad keluar lalu Memimpin harian baharu bernama “Utusan Melayu”, dan pada masa inilah pertentangan mengenai takrif Melayu timbul. Pertentangan ini tidak dapat dinafikan telah menimbulkan semangat kebangsaan Melayu.

Pada masa itu Dato’ Onn bin Jaafar telah dilantik menjadi ahli Majlis Mesyuarat Negeri Johor dan di sana banyak perkara-perkara yang menentang orang-orang Inggeris ditimbulkannya. Ia berjasa menimbulkan cuti lalu bersara dengan belanja kerajaan untuk pegawai-pegawai Melayu Johor menunaikan fardhu haji dengan alasan mengapa pegawai putih dibenarkan bercuti ke England dengan belanja kerajaan. Banyak perkara-perkara yang dibawanya di sana dan yang terbesarnya sehingga terbit suatu suruhanjaya menyiasat sampai di mana memalayakan negeri-negeri Melayu.

Perkembangan siasah masa itu semakin hebat sehingga tiba masa Perang Dunia yang Kedua. Pertubuhan-pertubuhan pada masa itu banyak mengutamakan hal-hal yang mengenai jamuan teh sahaja – kurang benar memikirkan dalam hal perkembangan siasah Tanah Melayu.

Tidaklah payah di sini saya membawa pembaca-pembaca kepada hal-hal yang mengenai perududukan Jepun. Patut diketahui bahawa pada masa sebelum itu, sebagai ahli Majlis Mesyuarat Federal, Dato Sir Cheng Lock Tan banyak mengadakan tuntutan-tuntutan supaya hak-hak anak dagang negeri ini diberi. Perjuangan diteruskannya ke India sehingga akhirnya ia membuat suatu memorandum kepada baginda Queen menuntut supaya anak-anak dagang (Cina) yang taat setia di negeri ini diberi sama hak dengan anak negeri di sini. Banyak cabutan daripada memorandum ini tersiar dalam buku “Amaran” – P.

Entah untuk menyenangkan hati orang-orang Cina seberang laut atau entah kerana apa maka setibanya angkatan

British menduduki semula Semenanjung ini, Sir Harold MacMichael telah dihantar ke mari mengambil tanda-tanda tangan Sultan-sultan Melayu untuk memalayakan Persekutuan Tanah Melayu. Perbuatan ini telah menimbulkan kemarahan orang-orang Melayu dan pada masa itulah timbul pertubuhan-pertubuhan siasah yang terdiri daripada Pertubuhan Melayu Bersatu, Parti Kebangsaan Melayu dan Persatuan Melayu Johor (pada masa itu yang berjuang di dalamnya ialah Dato’ Abdul Rahman, anak-anaknya: A. Sulaiman bin Abdul Rahman dan Dr. Ismail bin Abdul Rahman, Tuan Haji Yunus, Engku Abdullah bin Omar, Dr. Hamzah dan lain-lain lagi yang menghendaki supaya Johor tetap kedaulatannya).

Belum pernah dalam sejarah orang-orang Melayu didapati persatuan yang sebegitu hebatnya mempertahankan kedaulatan orang-orang Melayu di negerinya seperti masa itu. Kongres Melayu yang pertama diadakan di dalam mana tuntutan-tuntutan hak Melayu mestilah diberi sebagai yang dipertuan negeri itu.

Di dalam hal ini tidaklah umat Melayu melupakan nama-nama selain daripada pemimpin yang terkenal masa itu seperti Dr Burhanuddin Helmy, Dato’ Onn A. Taha Kalu, dan seumpamanya, di belakangnya berdiri tulang belakang yang bekerja keras menghidupkan Kongres Kebangsaan Melayu itu ialah A. Ramli bin Haji Tahir yang kemudiannya menjadi orang kuat UMNO Selangor dan akhirnya setelah tercapai merdeka ini ia langsung meletakkan jawatannya daripada UMNO.

Inilah ketikanya kebangkitan orang-orang Melayu di dalam sejarah siasahnya mulai bersinar dan terus menerus memperjuangkan hak-hak dan maslahat orang-orang Melayu. Pertentangan melawan Malayan Union sampai ke kemuncak yang tinggi yang menyebabkan kerajaan British menghantar seorang yang pakar untuk menyampaikan segala tujuannya menghadapi orang-orang Melayu yang telah meluap-luap membantah Malayan Union itu. Orang yang dihantar itu ialah Tuan Malcolm MacDonald.

Dengan kebijaksanaannya memujuk sehingga termeterai perjanjian Federation.

Dalam masa itulah terdiri UMNO seluruh Malaya dan pada masa itulah pula Persatuan Kebangsaan Melayu (M. N. P.) menarik diri daripada bersama-sama dengan lingkungan Onn – dan bersatu dengan lain-lain pertubuhan dengan membuat suatu piagam yang di dalamnya dipandang mereka lebih mempertahankan hak-hak Melayu daripada yang diperjuangkan oleh UMNO. Pada masa itulah timbul peristiwa tuduh menuduh yang hebat, sehingga M. N. P. dituduh menjual Melayu kepada anak-anak dagang disebabkan pada masa itu mereka ada bersama-sama dengan Sir Cheng Lock Tan.

Sesudah Perjanjian Federation terikat maka Dato' Onn mencadangkan supaya diadakan anggota-anggota yang bersekutu di dalam UMNO yang terdiri daripada orang-orang dagang iaitu setelah ia menyertai Jawatankuasa Muhibah Perkauman yang dianjurkan oleh Tuan Malcolm MacDonald tetapi rupanya langkah ini ditolak oleh orang-orang Melayu (UMNO) dan kerana itulah Dato' Onn kemudiannya meletakkan jawatannya daripada UMNO dan kemudiannya ia dengan orang-orang yang sepengertian dengannya mendirikan "IMP" dan akhirnya dibubarkan dengan berdirinya "Parti Negara" yang ada sekarang.

Tengku Abdul Rahman tampil menggantikan tempat Dato' Onn di dalam UMNO untuk melancarkan perjuangan UMNO. Terbit daripada usaha Dato' Abdul Razak di Kuala Lumpur supaya mengadakan pihak Perikatan dengan M. C. A. dan M. I. C. dalam pilihanraya Municipal maka UMNO pusat menyambut langkah itu dengan suatu perikatan keseluruhannya sehingga dengan itu mereka berjaya dalam pilihanraya di Persekutuan Tanah Melayu yang dengannya dapat mereka memerintah Tanah Melayu lalu menciptakan kemerdekaan yang ada hari ini.

Apakah corak politik yang berjalan sekarang tidaklah saya kupas – Di sini saya bentangkan serba ringkas hal-hal perjalanan am. Apa rugi dan untungnya kemerdekaan yang didapati sekarang kepada umat Melayu sama-sama kita lihat nanti; hanya yang diharap dalam hal ini orang-orang Melayu janganlah lengah daripada mengambil peluang yang sedapat-dapatnya untuk mendapat keutamaan di dalam tanah air sendiri. Kita orang-orang Melayu wajib mengisi kemerdekaan kita dengan sepenuh-penuh tenaga – kalau tidak kita akan binasa dan umat Melayu di Persekutuan Tanah Melayu akan menjadi seperti orang-orang Melayu di Singapura.



*Anggota-anggota pengarang dan pembantu Majalah Angkatan (Kolej Mahmud, Kedah) bergambar ketika memberi selamat belayar kepada saudara Arif Zaki ke Indonesia yang akan melanjutkan pelajarannya dalam bahagian kesusasteraan.*

*Duduk dari kanan saudara-saudara: Badri al-Farid Arif Zaki dan 'Abhan. Berdiri dari kanan: Nu 'mānī, Subhā dan Nūr al-Dīn.*